

Dana RM7b rangsang ekonomi

B.H 5/11/08 M/S 1

Penjimatan subsidi minyak jana pertumbuhan negara

Oleh Saidon Idris
Saidon@bharian.com.my



“Perubahan dalam ekonomi global secara tiba-tiba dan mendadak sejak akhir-akhir ini, memerlukan kita mengambil tindakan proaktif”

Najib Razak


Timbalan Perdana Menteri

LIHAT MUKA 4

INFO

Insentif tambahan untuk rakyat

- Bantuan Kebajikan bulanan JKM dinaikkan RM720 (Semenanjung) RM830 (Sarawak) RM960 (Sabah)
- Tempoh bayaran balik pinjaman perumahan kakitangan awam dilanjutkan kepada 25 tahun



- Duti import 5 peratus ke atas tujuh jenis baja dihapuskan
- Pengurangan caruman KWSP pekerja sebanyak 3 peratus kepada 8 peratus
- Pasar raya besar dibenar beroperasi hingga 12 malam pada hari biasa dan 1 pagi pada hujung minggu



- Had pinjaman kereta kakitangan awam naik RM10,000
- Syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perkenal skim latihan graduan

FAKTA NOMBOR

Unjuran KDNK
tahun depan

3.5

peratus



KHAZANAH
NASIONAL

PNB

Permodalan Nasional Berhad

Agihan peruntukan daripada penjimatan subsidi minyak



Ekonomi diunjur berkembang 3.5 peratus

DARI MUKA 1

Menggulung perbahasan Bajet 2009 di Dewan Rakyat semalam, Najib yang juga Menteri Kewangan turut mengumumkan langkah meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat termasuk membenarkan pekerja mengurangkan caruman Kumpulan Wang Simpanan pekerja (KWSP) sebanyak tiga peratus selama dua tahun.

Kerajaan juga memberikan pilihan kepada peminjam sedia ada pinjaman perumahan kakitangan awam melanjutkan tempoh bayaran balik sehingga 30 tahun. Had kelayakan pinjaman kereta kakitangan awam sebanyak RM10,000 dinaikkan antara RM55,000 hingga RM70,000 bergantung kepada gred jawatan.

Bagi mengurangkan beban pekebut kecil pula, kerajaan akan memansuhkan cukai import sebanyak lima peratus ke atas tujuh jenis baja.

"Dengan langkah ini semua baja mineral diimport tidak lagi dikenakan cukai. Di samping itu pengeluar baja tempatan juga bersetuju untuk mengurangkan sekurang-kurangnya 15 peratus harga baja keluaran mereka dengan

serta-merta," katanya.

Najib juga mengumumkan penggunaan biodiesel daripada sawit bagi kerajaan kerajaan berkuat kuasa Februari tahun depan dalam usaha kerajaan menstabilkan harga minyak sawit.

Untuk menggalakkan aktiviti sektor swasta, beberapa langkah liberalisasi termasuk menghapuskan duti import dan permit import bagi simen dan produk besi keluli panjang untuk sektor pembinaan akan diperkenalkan.

Katanya, langkah itu akan menyokong usaha kerajaan merangsang pertumbuhan sektor pembinaan di samping menyediakan persekitaran berdaya saing dalam industri bekalan bahan binaan negara.

Bagi menggalakkan pelaburan, terutama dalam sektor hartanah, kerajaan membenarkan individu atau entiti asing membeli hartanah komersial bernilai lebih RM500,000 tanpa memerlukan kelulusan FIC dengan dengan syarat hartanah itu adalah untuk kegunaan sendiri.

Untuk membantu usahawan perniagaan kecil pula, Bank Negara Malaysia akan menyediakan dana tambahan RM200 juta untuk disa-

lurkan sebagai pinjaman mudah di bawah Skim Kredit Mikro.

Timbalan Perdana Menteri berkata, bagi menangani masalah pengangguran, kerajaan akan mewujudkan Skim Pengurusan Pekerjaan Siswazah (GEMS) yang akan dikendalikan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Khazanah Nasional Bhd dan Permodalan Nasional Bhd.

"Sasaran program itu ialah untuk melatih sehingga 12,000 graduan dalam tempoh dua tahun," katanya.

Najib menegaskan, dengan mengambil kira semua faktor global dan domestik serta pelaksanaan langkah tambahan bagi Bajet 2009 itu, kerajaan mengunjur ekonomi negara akan berkembang pada kadar 3.5 peratus tahun depan.

Walaupun lebih rendah daripada unjuran sebelum ini, ia masih pada tahap memuaskan berdasarkan senario ekonomi global semasa. Bagi tahun ini, kerajaan yakin ekonomi negara mampu berkembang pada kadar lima peratus.

Inflasi pula dijangkakan berada pada tahap antara tiga dan empat peratus jika harga minyak dunia kekal dalam arah aliran menurun

seperti sekarang.

Beliau juga menjelaskan, di sebelah pelbagai langkah tambahan itu, jumlah perbelanjaan kerajaan yang dibentangkan dalam Bajet 2009 pada Ogos lalu, iaitu RM207.9 bilion masih tidak berubah. Defisit fiskal kerajaan tahun depan juga masih di tahap terkawal, dianggarkan pada kadar 4.8 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDN) negara.

Sebagai langkah baru untuk menjaga pendapatan tambahan dan merencanakan lagi kegiatan ekonomi, kerajaan bercadang memaksimumkan pulangan daripada semua aset sedia ada termasuk tanah di kawasan strategik yang belum dimajukan.

Untuk itu, kerajaan bercadang membuat tender terbuka yang membabitkan sektor swasta dan GLC bagi memajukan tanah berkenaan.

Sebahagian besar pemerolehan kerajaan pula akan dilakukan melalui tender terbuka dan terhad bagi memastikan kerajaan mendapatkan nilai maksimum bagi wang yang dibelanjakannya. Ia termasuk kontrak dikhususkan untuk Bumiputera yang akan dibuat melalui bidaan kompetitif di kalangan

syarikat Bumiputera.

Najib menjelaskan, langkah tambahan itu adalah 'tindak balas dasar' terhadap krisis kewangan dunia bagi menjamin pertumbuhan ekonomi negara serta memastikan rakyat tidak terlalu terkejut akibat krisis itu.

"Pembentangan Bajet 2009 lalu sememangnya sudah mengambil kira dan mengunjurkan senario global yang mencabar bagi 2009. Namun, perubahan dalam ekonomi global yang tiba-tiba dan mendadak sejak akhir-akhir ini, memerlukan kita mengambil tindakan proaktif untuk menangani kesan daripada krisis global masa kini.

"Kerajaan sedar bahawa langkah tambahan biasanya tidak diumumkan dalam ucapan pengumuman, tetapi keadaan yang luar biasa memerlukan tindakan yang juga luar biasa," tegasnya.

Bagi memantau dan menyelaraskan pelaksanaan projek kritikal dan berimpak tinggi, kerajaan akan menubuhkan Unit Pengurusan Projek di Kementerian Kewangan. Unit dianggotai pegawai kanan kerajaan, badan kawal setia dan GLC terpilih ini akan melapor terus kepada Menteri Kewangan.